**TARIKH IKLAN: 15/09/2022**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan pendaftarannya masih berkuatkuasa di bawah kod bidang berkaitan dibenarkan untuk menyertai sebut harga berikut: -

| NO. SEBUT HARGA | TAJUK SEBUT HARGA | KELAYAKAN | TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK |
|---|---|---|---|
| SH1/2022/13 | **PERKHIDMATAN MENGELUARKAN HASIL KELAPA SAWIT (BTS) SELUAS 53 EKAR DI LADANG UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PAHANG, KAMPUS JENGKA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (PANGGILAN SEMULA SH1/2022/09)**<br><br>Harga Dokumen: **RM30.00 Senaskhah** | KKM<br>Kod Bidang<br>222104 | Tarikh: **21.09.2022 (Rabu)**<br>Masa: **10.00 pagi**<br>Tempat: **Pejabat Unit Pengurusan Ladang, UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka** |

1. Taklimat dan lawatan tapak adalah merupakan satu syarat **WAJIB** bagi menyertai sebut harga ini. Senarai kehadiran taklimat dan lawatan tapak akan dicatat dan ditandatangani oleh kontraktor semasa sesi taklimat dan lawatan ke tapak-tapak projek berkenaan yang akan diadakan pada tarikh dan masa seperti yang tersebut di atas.

2. **Hanya penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (Kementerian Kewangan Malaysia) sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak dan sesi taklimat.**

3. Dokumen Tawaran boleh dibeli Selepas Taklimat Dan Lawatan Tapak selesai di **Unit Pengurusan Perolehan, Pejabat Bendahari UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang Darul Makmur** pada waktu pejabat dan pembayaran dibuat di Kaunter Terimaan, Pejabat Bendahari dengan menggunakan Kad Debit/Kad Kredit.

4. Dokumen Meja Tawaran Sebut Harga akan dipamerkan di Kaunter Unit Pengurusan Perolehan, Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka.

5. Hanya kontraktor-kontraktor yang membawa bersama **SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL BUMIPUTERA** (jika bertaraf bumiputera) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan menyerahkan satu **SALINAN (fotostat)** sijil-sijil tersebut akan dibenarkan untuk mengambil dokumen sebut harga.

6. Satu (1) penyebut harga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.

7. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA DI PEJABAT BENDAHARI, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PAHANG, KAMPUS JENGKA, 26400 BANDAR TUN ABDUL RAZAK JENGKA, PAHANG DARUL MAKMUR** dengan menulis nombor dan tajuk sebut harga di sebelah kiri atas sampul tawaran berkenaan.

8. Tawaran Sebut Harga akan ditutup pada 29.09.2022 Jam 12.00 tengah hari. Tawaran Sebut Harga yang lewat diterima dari waktu tutup tidak akan dipertimbangkan.

FARAHWAHEDA BINTI MAT SAPIE
Penolong Akauntan Kanan
Pejabat Bendahari UiTM Cawangan Pahang
Kampus Jengka
15/9/2022